

07/11/2000

BN mulakan persiapan kekalkan Lunas

ALOR STAR, Isnin - Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang masing-masing memulakan persiapan menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (Dun) Lunas berikutan kematian wakilnya Dr Joe Fernandez, kelmarin.

Ketika Speaker Dun Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin memaklumkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenai kekosongan kerusi Lunas hari ini, pemimpin BN Kedah mengadakan perjumpaan dengan pemimpin parti bahagian Padang Serai bagi membincangkan persiapan pilihan raya.

Lunas terletak dalam kawasan parlimen Padang Serai dengan dua lagi DUN adalah Kuala Ketil dan Merbau Pulas yang turut dikuasai oleh BN.

Pilihan raya kecil berkenaan dijangka menyaksikan pertarungan sengit kerana BN perlu mempertahankan Dun Lunas bagi mengekalkan majoriti dua pertiga dalam dewan.

Walaupun Lunas adalah antara kubu kuat, kekalahan akan menyaksikan BN kehilangan majoriti dua pertiga, sekali gus meningkatkan bilangan kerusi pembangkang daripada 12 kepada 13 kerusi.

Parti pembangkang juga pasti melihat pilihan raya kecil berkenaan sebagai peluang terbaik untuk menafikan majoriti dua pertiga BN.

Pada pilihan raya umum lalu, BN memperolehi 24 daripada 36 kerusi bagi menggenapkan majoriti dua pertiga dan bagi memastikan ia kekal BN perlu bersedia lebih awal menghadapi tentangan pembangkang.

Bagi tujuan itu, BN Kedah dijadual bermesyuarat minggu ini bagi membincangkan calon yang bakal dicadangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, yakin pengundi Lunas akan terus memilih BN berikutan rekod cemerlang parti serta prestasi Dr Fernandez yang disenangi bukan saja oleh masyarakat India, malah kaum lain termasuk Melayu dan Cina.

Syed Razak juga berkata, pengundi Lunas wajar menyokong BN bagi meneruskan kesinambungan pembangunan di kawasan berkenaan dan negeri ini.

(END)